



Garis Panduan Pelaksanaan
KLINIK PERGIGIAN
MESRA PROMOSI



Program Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia

Garis Panduan Pelaksanaan
KLINIK PERGIGIAN MESRA PROMOSI

Editor

Dr Sharol Lail Sujak

Dr Muhamad Faris Muhamad Noor

Edisi Pertama 2018**@Program Kesihatan Pergigian KKM**

Hak cipta terpelihara, tiada bahagian dari terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam apa jua bentuk mekanikal atau elektronik kecuali setelah mendapat kebenaran penerbit

Pengkatalogan

Perpustakaan Negara Malaysia, Data Pengkatalogan dalam Penerbitan

GARIS PANDUAN**PERLAKSANAAN KLINIK PERGIGIAN MESRA PROMOSI**

/ Editor Dr Sharol Lail Sujak, Dr Muhamad Faris Muhamad Noor

ISBN 978-967-12079-9-4

1. Klinik Pergigian Mesra Promosi 2. Promosi Kesihatan Pergigian

I. Sharol Lail Sujak, Dr II. Muhamad Faris Muhamad Noor, Dr

Diterbitkan Oleh

Program Kesihatan Pergigian

Kementerian Kesihatan Malaysia

Aras 5, Blok E10, Kompleks E, Presint 1

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62590 Putrajaya

Tel: 603 - 88834215

Faks: 603 - 88886133

Emel: ohd@moh.gov.my

Website: <http://ohd.moh.gov.my>

Facebook: www.facebook.com/pegigiankkm

Blog: www.ohdmoh.blogspot.com

KANDUNGAN

1.0	<i>Pengenalan</i>	1
2.0	<i>Tinjauan ke Perpustakaan</i>	2
3.0	<i>Rasional</i>	3 - 4
4.0	<i>Skop</i>	5
5.0	<i>Objektif</i>	6
6.0	<i>Strategi</i>	7
7.0	<i>Pemilihan Klinik</i>	8
8.0	<i>Komponen Klinik Pergigian Mesra Promosi</i>	9
9.0	<i>Infrastruktur dan Susun Atur Klinik</i>	10 - 23
10.0	<i>Pengisian Aktiviti</i>	24 - 26
11.0	<i>Hebahan</i>	27 - 29
12.0	<i>Pengurusan Sumber Manusia</i>	30 - 36
13.0	<i>Pengiktirafan Sebagai Klinik Pergigian Mesra Promosi</i>	37- 38
14.0	<i>Penilaian Keberkesanan</i>	39
15.0	<i>Penarafan Bintang Klinik Pergigian Mesra Promosi</i>	40 - 41
16.0	<i>Penutup</i>	42
17.0	<i>Rujukan</i>	43 - 44
18.0	<i>Lampiran</i>	45 - 53

SEKAPUR SIREH

*K*linik Pergigian Mesra Promosi merupakan satu pendekatan serampang dua mata Program Kesihatan Pergigian Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam memberi perkhidmatan di peringkat klinik pergigian yang lebih holistik. Klinik-klinik pergigian ini dipilih bagi mempromosikan kesihatan dan pencegahan selain daripada perkhidmatan rawatan yang sedia ada.

Pada ketika ini, seringkali dalam memberi perkhidmatan kesihatan kepada pesakit, aspek rawatan lebih ditekankan berbanding dengan aspek pencegahan dan promosi, sedangkan pencegahan dan promosi adalah komponen utama untuk memastikan kesihatan pergigian rakyat Malaysia dalam keadaan yang optimum.

iv

Penyakit dan masalah kesihatan pergigian pada amnya optimum adalah penyakit tidak berjangkit. Ini bermakna faktor risiko penyakit pergigian adalah berpunca dari gaya hidup dan amalan yang tidak sihat. Transformasi ke arah gaya hidup dan amalan sihat dapat dicapai melalui aktiviti promosi dan pencegahan sebagai tunggak utama dalam memupuk budaya penjagaan sendiri.

Melalui Klinik Pergigian Mesra Promosi, komponen rawatan, pencegahan dan promosi disatukan di bawah satu bumbung bagi memberikan perkhidmatan pergigian yang holistik dan berkesan dalam meningkatkan kesihatan pergigian rakyat.

Sekian, terima kasih


Pengarah Kajian (Kesihatan Pergigian)
Kementerian Kesihatan Malaysia



“PERKHIDMATAN PERGIGIAN KEPADA MASYARAKAT UMUM SECARA ASASNYA DIBERI MELALUI KLINIK PERGIGIAN.”

Di Malaysia, klinik pergigian yang telah wujud selama lebih setengah abad sudah sinonim dalam memenuhi jangkaan pesakit yang memerlukan rawatan dan rehabilitasi masalah kesihatan pergigian yang dihadapi oleh mereka.

Laporan *National Oral Health Survey of Adults 2010 (NOHSA 2010)* menunjukkan **lebih 90% rakyat Malaysia mempunyai masalah kesihatan mulut**, dan sekaligus membuktikan bahawa rawatan sahaja masih tidak mencukupi untuk menyelesaikan masalah pergigian rakyat Malaysia.

Sehubungan itu, fungsi klinik pergigian tidak lagi boleh menjadi sebagai pusat rawatan semata-mata, tetapi klinik pergigian haruslah juga menjadi pusat pencegahan dan mendidik masyarakat tentang kepentingan penjagaan kesihatan pergigian. Dengan menggabungkan unsur rawatan pencegahan dan promosi dalam penyampaian perkhidmatan kesihatan pergigian, ini akan dapat memperkasakan masyarakat dalam menjaga kesihatan pergigian mereka melalui amalan gaya hidup sihat.

Misi utama dalam usaha mentransformasi Klinik Pergigian ini adalah supaya Klinik Pergigian memerlukan konsep “*Family Dentist*” dalam mendapatkan perkhidmatan pergigian yang komprehensif dan interaktif. Garis Panduan Pelaksanaan Klinik Pergigian Mesra Promosi ini adalah sebagai rujukan semua anggota kesihatan pergigian untuk melaksanakan perkhidmatan Klinik Pergigian Mesra Promosi di klinik pergigian masing-masing.

Adalah diharapkan agar garis panduan ini akan dapat memberi manfaat kepada anggota kesihatan pergigian dalam meningkatkan lagi mutu dan taraf perkhidmatan kesihatan pergigian yang diberi supaya menjadi salah satu perkhidmatan kerajaan yang terbaik, holistik dan berkualiti.

1.0

Pengenalan



01

Salah satu teras Pelan Strategik Kementerian Kesihatan Malaysia 2016-2020 adalah untuk mengukuhkan penyampaian perkhidmatan kesihatan khususnya di peringkat klinik pergigian. Oleh itu, perkhidmatan kesihatan pergigian di klinik pergigian harus mengandungi komponen rawatan, pencegahan dan promosi. Gabungan komponen tersebut sangat penting dalam memperkukuhkan perkhidmatan kesihatan yang holistik kepada rakyat. Buat masa ini, perkhidmatan pergigian di klinik-klinik pergigian adalah tertumpu kepada komponen perkhidmatan rawatan sahaja. Komponen pencegahan dan promosi pula adalah minimum walaupun komponen ini memainkan peranan yang sama penting dalam menjamin kesihatan pergigian yang baik dan berpanjangan.

“PELUANG YANG ADA
HARUS DIMANFAATKAN
SEPENUHNYA AGAR
PERKHIDMATAN PERGIGIAN
MENJADI TEMPAT MERAWAT
DAN MEMPERKASAKAN INDIVIDU
DALAM PENJAGAAN
KESIHATAN PERGIGIAN.”

Untuk menjadikan perkhidmatan di klinik pergigian lebih holistik, Klinik Pergigian Mesra Promosi merupakan satu inisiatif untuk memperkasakan komponen pencegahan dan promosi dalam penyampaian perkhidmatan kesihatan pergigian di klinik-klinik pergigian kerajaan.

Semua klinik pergigian kerajaan mempunyai potensi dalam peningkatan penyampaian perkhidmatan bukan semata-mata untuk akses kepada rawatan pergigian, malahan klinik pergigian juga sewajarnya memberikan perkhidmatan pencegahan dan promosi kesihatan pergigian kepada pesakit khususnya dan masyarakat amnya.

Klinik Pergigian Mesra Promosi akan menjadi teras utama dalam menerajui hala tuju masa hadapan perkhidmatan kesihatan pergigian secara holistik. Tranformasi perkhidmatan secara holistik ini akan dapat memberikan status kesihatan pergigian yang lebih baik bagi menjamin kualiti hidup rakyat Malaysia.



2.0

Tinjauan Ke Perpustakaan

Pada awal tahun 80-an, Pertubuhan Kesihatan Sedunia melalui Garis Panduan *Ottawa Charter* (WHO, 1986) telah menggariskan konsep promosi kesihatan yang holistik. Konsep yang telah lama diwujudkan ini akan menjadi teras dan rujukan kepada pelaksanaan konsep Klinik Pergigian Mesra Promosi, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia mengajukan strategi Klinik Promosi Kesihatan adalah dengan menggabungkan prinsip pembangunan kapasiti sumber manusia dan pengemaskinian organisasi. Ini dilaksanakan dengan mengorientasi perkhidmatan kesihatan yang sedia ada, sama ada di dalam atau di luar sempadan fizikal sesebuah institusi di samping mengekalkan perkhidmatan rawatan sedia ada.

Konsep Klinik Promosi Kesihatan juga selari dengan tanggungjawab organisasi dalam memenuhi keperluan masyarakat yang kian berkembang. Sehubungan dengan itu, untuk terus kekal relevan melalui perkhidmatan yang ditawarkan, organisasi kesihatan perlu memindahkan fokus dari rawatan spesifik terhadap sesuatu penyakit, kepada pelaksanaan perkhidmatan kesihatan secara holistik dan memperkasakan masyarakat itu sendiri supaya, mereka boleh menjaga kesihatan mereka sendiri dengan pengetahuan dan amalan yang betul.

Perkhidmatan kesihatan pergigian yang diberikan kepada rakyat masih kurang berjaya menurunkan kadar penyakit pergigian. Penyakit berkaitan dengan kesihatan pergigian seperti karies dan penyakit gusi masih membelenggu 90% rakyat di negara ini. Hal ini membuktikan, rawatan sahaja tidak mencukupi untuk menangani masalah kesihatan pergigian.

Sehubungan dengan itu, konsep Klinik Pergigian Mesra Promosi yang diadaptasi dari konsep *Ottawa Charter* (WHO, 1986) akan dapat memberi perkhidmatan secara holistik kepada masyarakat. Perkhidmatan klinik pergigian yang holistik mampu meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan bagi meningkatkan taraf kesihatan pergigian rakyat melalui rawatan, pencegahan dan promosi. Taraf kesihatan pergigian masyarakat dapat di perbaiki ke arah yang optimum melalui penggabungan elemen rawatan, pencegahan dan promosi.

“KLINIK PROMOSI KESIHATAN BUKANLAH SATU KONSEP BARU DALAM PERKHIDMATAN KESIHATAN.”

3.0

Rasional

Jumlah dan punca masalah kesihatan pergigian yang dihadapi oleh rakyat terbukti tidak dapat diselesaikan melalui perkhidmatan rawatan semata-mata kerana rawatan memerlukan perbelanjaan tinggi, sumber manusia yang ramai dan masa yang banyak.

03

“ TAMBAHAN PULA PENYAKIT PERGIGIAN ADALAH PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT YANG BOLEH DICEGAH DENGAN CARA MUDAH, MELALUI PEMERIKSAAN SENDIRI. INI BOLEH DILAKSANAKAN DENGAN KAEDAH MEMBERIKAN ILMU TENTANG PENJAGAAN KESIHATAN PERGIGIAN DISAMPING MENGGALAKKAN DAN MENGUTAMAKAN PENCEGAHAN KEPADA MASYARAKAT.

”

Sehubungan itu, satu program yang mampu mewujudkan sinergi antara rawatan, pencegahan dan promosi kesihatan pergigian perlu diwujudkan atas sebab seperti berikut:

Kurangnya kesedaran masyarakat terhadap kepentingan penjagaan kesihatan pergigian sendiri, menyebabkan kadar penyakit pergigian masih tinggi.

01

Mengubah persepsi masyarakat tentang penyampaian perkhidmatan yang diberikan di klinik pergigian kerajaan bukan sahaja rawatan tetapi juga perkhidmatan pencegahan dan promosi.

02

Meningkatkan penglibatan anggota kesihatan pergigian dalam penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat terutamanya dalam aspek promosi.

03

Semua klinik pergigian mempunyai potensi yang besar dalam mempromosi kesihatan pergigian di samping memberi perkhidmatan pencegahan dan rawatan kepada pesakit

04

Klinik pergigian yang mempunyai bilangan pelanggan yang ramai dan secara berterusan tanpa mengira demografik rakyat mempunyai potensi yang baik untuk dijalankan aktiviti pencegahan dan promosi tentang kesihatan pergigian.

05

Klinik pergigian merupakan sebuah institusi yang dipercayai masyarakat dalam aspek penjagaan kesihatan oleh itu aspek promosi dan pencegahan klinikal perlu diberikan.

06

Memaksimumkan penggunaan ruang sedia ada di klinik dengan aktiviti promosi dan pencegahan kesihatan pergigian.

07

Peralatan promosi pergigian yang sedia ada dapat digunakan di dalam klinik sepenuhnya selain digunakan pada program-program luar klinik.

08

4.0 Skop

05

Garis panduan ini digunakan untuk klinik pergigian yang melaksanakan konsep Klinik Pergigian Mesra Promosi.

5.0

Objektif



Secara khusus, objektif Klinik Pergigian Mesra Promosi adalah untuk:

Menjadikan klinik pergigian sebagai satu pusat tarikan untuk orang ramai datang ke klinik pergigian secara berkala bersama keluarga.

01

Memperkukuhkan komponen pencegahan kesihatan pergigian yang disediakan di klinik pergigian.

02

Memperkukuhkan komponen promosi kesihatan pergigian di klinik pergigian.

03

06

Memperkasa peranan anggota kesihatan pergigian dalam aspek promosi dan pencegahan kesihatan pergigian.

04

Melaksanakan satu mekanisme pemantauan dan penilaian yang berkesan bagi penambahbaikan perkhidmatan di klinik pergigian.

05



6.0 Strategi



Untuk menjayakan program Klinik Pergigian Mesra Promosi, strategi-strategi berikut diatur:

Meningkatkan aktiviti promosi dan pencegahan kesihatan pergigian di klinik pergigian disamping melaksanakan fungsi sedia ada.

01

Klinik pergigian disesuaikan dari aspek susun atur dalaman dan luaran bagi menjalankan aktiviti promosi dan pencegahan kesihatan pergigian.

02

Bahan promosi kesihatan pergigian sedia ada digunakan dan ditambahbaik pengisian mengikut kesesuaian.

03

Menstruktur semula organisasi anggota untuk disesuaikan dengan aktiviti Klinik Pergigian Mesra Promosi.

04

Membuat promosi tentang klinik pergigian tersebut bagi menyesuaikan masyarakat dengan penyampaian perkhidmatan pergigian yang berlainan daripada persepsi sedia ada.

05

07



7.0

Pemilihan Klinik

Bagi memaksimumkan sumber sedia ada, pemilihan klinik perlu dilakukan. Antara aspek yang perlu diambil kira iaitu keperluan ruang, anggota kerja, bahan promosi dan pelanggan.

Pemilihan klinik yang mempunyai kriteria berikut adalah lebih sesuai untuk dijadikan Klinik Pergigian Mesra Promosi:

Klinik yang mempunyai kedatangan pelanggan yang ramai (>50 orang sehari).

01

Klinik yang mempunyai sekurang-kurangnya empat (4) kerusi pergigian.

02

Klinik yang mempunyai bilangan pegawai pergigian sekurang-kurangnya lima (5) orang.

03

Klinik yang mempunyai sumber bahan promosi sedia ada seperti bahan-bahan pameran, kumpulan *dental buskers*, kumpulan boneka dan lain-lain medium promosi.

04

Klinik yang mempunyai kelengkapan fasiliti AVA / digital.

05

Klinik yang beroperasi di bidang kuasa sendiri (*stand alone*).

06

08

8.0

Komponen Klinik Pergigian Mesra Promosi



Ada **tiga** komponen utama dalam pelaksanaan Klinik Pergigian Mesra Promosi (KPMP) :

Infrastruktur dan
susun atur klinik

01

Pengisian aktiviti

02

Hebahan

03



9.0

Infrastruktur dan Susun Atur Klinik

Proses kajian, penilaian, penambahbaikan serta pengemaskinian semula infrastruktur di klinik pergigian perlu dilaksanakan bagi memastikan ruang dan susun atur luaran dan dalaman klinik pergigian adalah sesuai untuk dijadikan sebagai tempat untuk aktiviti pencegahan dan promosi.

Secara khususnya, infrastruktur dan susun atur klinik adalah untuk :

Menyediakan ruang supaya susun atur adalah kondusif bagi merangsang proses pembelajaran menjadi lebih berkesan.

01

Menyediakan **"surgeri pergigian"** supaya aktiviti pencegahan boleh dijalankan dengan lancar.

02

Menyediakan ruang dan tempat yang membolehkan sinergi antara aktiviti promosi, pencegahan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang sedia ada agar tidak terganggu/terjejas.

03

Tiga komponen utama dalam infrastruktur dan susun atur klinik ialah :
(1) kaunter pendaftaran, **(2)** ruangan menunggu dan **(3)** "surgeri pergigian pencegahan".


9.1

Kaunter Pendaftaran

Kaunter pendaftaran pergisian merupakan tempat pertama dikunjungi pelanggan yang datang ke klinik pergisian. Oleh itu kaunter pendaftaran mempunyai peranan yang sangat penting dalam memastikan persepsi positif pelanggan terhadap klinik pergisian berkaitan. Selain itu kaunter pendaftaran juga merupakan titik penentu dalam memastikan urusan pelanggan seterusnya berjalan lancar.

Mencapai objektif utama dalam penyediaan dan pengurusan pelanggan melalui persekitaran dan fungsi kaunter yang kondusif dan memberi tanggapan yang baik kepada pelanggan.

Nama klinik serta logo Klinik Pergisian Mesra Promosi mestilah dipaparkan di kaunter bagi menunjukkan identiti klinik tersebut adalah Klinik Pergisian Mesra Promosi.



9.2 Ruang Menunggu





Ruang menunggu merupakan ruang di mana pelanggan meluangkan masa paling lama sebelum pelanggan mendaftar dan seterusnya dipanggil masuk ke bilik rawatan. Fasa menunggu ini selalu mengundang aduan tentang ketidakpuasan perkhidmatan pergigian kerana pelanggan mempunyai banyak masa yang tidak terisi seterusnya mencetuskan persepsi tidak baik terhadap perkhidmatan yang diberikan. Dengan mewujudkan ruang yang lebih santai dengan pelbagai pengisian yang menyeronokkan berkaitan kesihatan pergigian, maka perhatian pesakit dapat dialihkan dari ilusi masa menunggu.

Selari dari objektif bagi mengoptimumkan penggunaan ruang menunggu dan pengisian masa, ruang menunggu mestilah memberi keselesaan kepada pelanggan di samping dapat memberi maklumat tentang kesihatan pergigian.

Bagi mengoptimumkan masa menunggu, perkara berikut perlu disediakan iaitu (i) Sudut santai, (ii) Ruang poster dan perkhidmatan (iii) *Mini Booth* (iv) Sudut "Anda tanya, kami jawab" (v) Audio visual.

12



(i) Sudut Santai



Satu ruang tempat melaksanakan pelbagai aktiviti penyampaian maklumat yang diatur mengikut jadual. Pada asasnya Sudut Santai adalah :

Ruang berukuran minimum 6 kaki x 6 kaki.

a

Ruang yang mempunyai platform yang berbeza (seperti warna atau material) dari lantai sedia ada.

b

Ruang perlu berada di sudut yang sesuai dan pelanggan mestilah mudah berinteraksi semasa aktiviti dijalankan mengikut kesesuaian masa dan keadaan.

c

Aktiviti di sudut santai adalah secara berjadual yang disampaikan secara persembahan langsung seperti *buskers*, boneka, bercerita dan lain-lain yang bersesuaian.


d

Aktiviti yang dilaksanakan, haruslah tidak mengganggu perjalanan perkhidmatan yang disediakan.

e

Aktiviti ini dilakukan secara berjadual yang disusun oleh Koordinator Sudut Santai dan Pengurus Eksekutif Klinik Pergigian Mesra Promosi.

f



RAJAH 1 Menunjukkan bagaimana perancangan dan pelaksanaan aktiviti di Sudut Santai dilaksanakan.



(ii) Poster dan Bahan Cetak

Poster dan bahan cetak merupakan saluran penyampaian mesej yang berkesan dan bagi mengelakkan *information overload*, *poster dan bahan cetak* perlu disusun atur di ruangan yang bersesuaian mengikut kaedah yang betul seperti dinyatakan dalam **Garis Panduan Pendidikan Kesihatan di Klinik Kesihatan Malaysia** terbitan Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia, tahun 2016 bagi memastikan bahan tersebut memberikan kesan yang positif. Poster dan bahan cetak mestilah sentiasa dikemaskini secara berkala.



(iii) *Mini Booth*

Struktur kekal atau sementara bagi pameran yang dikemaskini mengikut jadual (bergantung kepada kesesuaian tema) yang digunakan untuk mempromosi kesihatan pergigian. *Mini booth* mestilah:

Berada di satu ruang yang sesuai.

a

Bentuk dan reka letak yang kreatif, menarik dan informatif.

b

Bahan-bahan yang dipamerkan mestilah terkini dan disusun menarik.


c

Bahan-bahan pameran perlu dikemaskinikan sekurang-kurangnya 3 bulan sekali.

d



Bahan pameran yang digunakan haruslah menarik, ringkas, padat dan menggunakan bahasa yang mudah difahami. Senarai semak perancangan dan pelaksanaan aktiviti *mini booth* adalah seperti dalam **LAMPIRAN 1**. Carta alir pelaksanaan *mini booth* adalah seperti di **RAJAH 2**.



RAJAH 2: Carta alir Perancangan dan Pelaksanaan Aktiviti Mini Booth

(iv) Sudut “Anda Tanya, Kami Jawab”.

Sudut “Anda Tanya, Kami Jawab” menjadi platform kepada Pegawai Perhubungan Klinik Pergigian Mesra Promosi (PPKPMP) membantu pelanggan menyelesaikan masalah tatacara urusan di klinik pergigian dan juga termasuk pertanyaan-pertanyaan berkaitan:

Visi, Misi dan Fungsi Program Kesihatan Pergigian.

a

Jenis klinik pergigian dan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan.

b

Kemudahan-kemudahan yang disediakan di klinik pergigian.

c

Menerima maklum balas mengenai perkhidmatan.

d


Memberikan khidmat nasihat selepas rawatan.

e

Memberikan pendidikan kesihatan pergigian.

f

Senarai semak perancangan dan pelaksanaan Sudut “Anda Tanya, Kami Jawab” adalah seperti dalam **LAMPIRAN 2**. Carta alir pelaksanaan Sudut “Anda Tanya, Kami Jawab” adalah seperti **RAJAH 3**.



RAJAH 3: Carta Alir Pelaksanaan Sudut “Anda Tanya, Kami Jawab”.

Ciri-ciri Sudut “Anda Tanya, Kami Jawab” adalah seperti berikut :

Perlu mempunyai tanda sudut “Anda Tanya, Kami Jawab” dengan jelas dan mudah dilihat oleh pelanggan.

a

Dibekalkan dengan peranti mudah alih (*laptop* atau *tablet*), supaya penerangan dapat diberi dengan lebih berkesan.

b

Dibekalkan dengan bahan promosi fizikal atau digital dalam peranti yang mempunyai maklumat terkini.

c

Dibekalkan dengan bahan maklumat tentang organisasi dan fungsi sama ada dalam bentuk fizikal atau digital.

d

Mempunyai kemudahan (meja, kerusi) yang selesa untuk pelanggan berurusan.

e

Sudut “Anda Tanya, Kami Jawab” haruslah tidak mengganggu perkhidmatan lain yang diberi.

f

Oleh kerana Sudut “Anda Tanya, Kami Jawab” merupakan konsep baharu yang dilaksanakan di persekitaran Klinik Pergigian Mesra Promosi, maka pegawai dan anggota klinik perlu lebih proaktif dalam memperkenalkan sistem sudut “Anda Tanya, Kami Jawab” sehingga ia menjadi kebiasaan dan norma kepada pelanggan. Di samping itu juga, anggota yang bertugas mestilah berusaha untuk mengemaskini maklumat dan fakta supaya mudah dalam menjawab soalan-soalan pelanggan.

(v) Audio Visual

Audio visual digunakan untuk mempromosikan kesihatan pergigian melalui kaedah video yang dikemaskini mengikut jadual (seperti televisyen LED yang mempunyai USB *port* dan lain-lain kemudahan berkaitan) bertujuan memberikan pendidikan dan informasi kesihatan pergigian dengan menggunakan medium multimedia.

Audio-visual dilaksanakan secara harian sepanjang waktu operasi klinik pergigian dengan bahan tayangan perlu disediakan dan dikemaskini mengikut perkembangan semasa. Kandungan audio-visual hendaklah:

a

Menyampaikan maklumat berbentuk multimedia berkaitan kesihatan pergigian secara berkesan atau mempamerkan informasi yang penting kepada pelanggan (e.g. jadual bertugas, jadual bekerja, jenis rawatan, caj rawatan, aktiviti promosi, video pendek kesihatan pergigian sama ada dalam bentuk dokumentari atau bentuk kreatif).

b

Audio perlu dikawal agar tidak mengganggu ketenteraman dan perjalanan klinik.

c

Input ditayangkan sepanjang waktu operasi secara ulang tayang.



Bilik rawatan pergigian merupakan nadi sesebuah klinik pergigian dalam memberikan perkhidmatan kesihatan pergigian. Dalam susun atur Klinik Pergigian Mesra Promosi adalah diwajibkan mempunyai komponen Surgeri Pergigian Pencegahan untuk menjalankan aktiviti pergigian pencegahan klinikal dan khidmat nasihat pergigian.


Surgeri Pergigian Pencegahan mestilah kondusif dan dilengkapi peralatan dan bahan-bahan rawatan serta bahan pendidikan kesihatan pergigian. Bahan-bahan ini diperlukan semasa menjalankan aktiviti pergigian pencegahan klinikal dan khidmat nasihat pergigian dengan lebih berkesan.

Konsep Surgeri Pergigian Pencegahan di Klinik Pergigian Mesra Promosi bukanlah sebuah bilik surgeri yang khas. Semua pelawat perlu menjalani prosedur konsultasi dan rawatan pencegahan tanpa adanya *Dental Chair*. Oleh itu, budaya promosi dan pencegahan dapat diterapkan kepada semua anggota di klinik dengan lebih mantap.

Kerusi pergigian tersebut boleh menggunakan salah satu kerusi pergigian di dalam surgeri klinik pergigian. Sesiapa sahaja, sama ada Pegawai Pergigian atau Juruterapi Pergigian boleh melakukan prosedur pergigian pencegahan klinikal dan khidmat nasihat pergigian sebagaimana yang tertakluk dalam senarai kompetensinya. Kes-kes yang lebih sukar perlu dirujuk kepada Pakar Pergigian Kesihatan awam di Unit Pakar Pergigian Kesihatan Awam.

Pengurus Eksekutif Klinik Pergigian Mesra Promosi akan menetapkan kerusi pergigian yang akan digunakan dan jadual bertugas untuk menjalankan aktiviti pergigian pencegahan klinikal dan khidmat nasihat pergigian.

Pada asasnya Surgeri Pergigian Pencegahan mestilah disediakan dengan bahan-bahan dan peralatan untuk prosedur pergigian pencegahan klinikal dan alat bantu mengajar (seperti peranti mudah alih, model struktur gigi, bahan cetak bagi rawatan yang disediakan dan lain-lain). Dengan adanya alat bantu mengajar ini, pelaksanaan khidmat nasihat pergigian menjadi lebih mudah dan berkesan.





Bilik rawatan merupakan nadi sesebuah klinik pergigian dalam memberikan perkhidmatan yang berkaitan. Komponen Pencegahan bukanlah sesuatu yang asing dalam rawatan yang diberikan, malah adalah penting dalam penjagaan kesihatan pergigian pesakit.

Dalam konteks Klinik Pergigian Mesra Promosi yang menekankan kepentingan promosi dan pencegahan, adalah amat penting komponen ini diberi keutamaan yang lebih serius dari segi pelaksanaan.

Pergigian pencegahan harus dilaksanakan di semua Bilik Rawatan tanpa melibatkan sebarang pengubahsuaian major. Operasi pergigian mestilah kondusif serta dilengkapi dengan bahan-bahan rawatan dan bahan pendidikan kesihatan pergigian. Bahan-bahan ini adalah amat penting bagi menjalankan aktiviti khidmat nasihat pergigian dan pergigian pencegahan klinikal yang berkesan.

Selain pencegahan klinikal, khidmat nasihat pergigian harus juga dipertingkatkan. Semua anggota klinik harus bersedia dan mempunyai pengetahuan yang luas dalam memberi nasihat dan pandangan berkenaan cara menjaga kesihatan pergigian dan juga masalah pergigian yang mungkin dihadapi oleh mereka. Walau bagaimanapun, bagi kes-kes yang lebih kompleks, terdapat keperluan untuk dirujuk

kepada pakar Pergigian Kesihatan Awam di Unit Pakar Pergigian Kesihatan Awam.

Terdapat keperluan untuk mengemaskini bahan pendidikan kesihatan pergigian untuk memudahkan khidmat nasihat kepada pesakit secara *auditori*, *visual* dan *tactile*. Khidmat nasihat secara 3 penjuruan ini adalah efisien di samping memberi impak yang lebih mendalam kepada pesakit.

Pengurus Eksekutif Klinik Pergigian Mesra Promosi bertanggungjawab menyediakan dan mengemaskini keperluan bilik rawatan agar dapat melaksanakan khidmat nasihat dan pencegahan klinikal dengan lancar. Bahan-bahan asas pencegahan klinikal seperti *fluoride* dan *sealan fisur* serta alat bantu mengajar seperti peranti mudah alih, model struktur gigi, bahan cetak bagi rawatan yang seharusnya ada di bilik rawatan pada setiap waktu.



10.0

Pengisian Aktiviti

Ruang yang mencukupi sahaja tidak menjamin perkhidmatan pergigian yang holistik kepada pelanggan. Oleh itu ruang yang ada perlu diisi dengan aktiviti yang bersesuaian.

Selain dari aktiviti promosi, rawatan pencegahan klinikal juga mempunyai peranan yang sama penting terhadap penjagaan kesihatan pergigian seseorang individu. Oleh itu, komponen rawatan, pencegahan dan promosi perlu diintegrasikan. Sekiranya tidak, potensi klinik untuk menjadi pusat perkhidmatan kesihatan pergigian yang komprehensif tidak dapat direalisasikan.

Bagi mengoptimumkan bahan dan medium promosi sedia ada, aktiviti promosi dan perkhidmatan pergigian pencegahan diintegrasikan bersama perkhidmatan sedia ada seperti dalam **JADUAL 1**.



JADUAL 1: Ringkasan Aktiviti Pergigian Pencegahan Klinikal dan Promosi di Klinik Pergigian Mesra Promosi (KPMP)

BIL	AKTIVITI	JADUAL PELAKSANAAN	PENGISIAN	PERALATAN DIPERLUKAN	PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB
Komponen Perkhidmatan Pergigian Pencegahan Klinikal					
1.	• Pelaksanaan secara berterusan selari dengan perkhidmatan harian. • Semua Pegawai Pergigian dan Juruterapi Pergigian harus menjalankan aktiviti pergigian pencegahan.	• Prosedur Sealan Fisur (berdasarkan keperluan) • Prosedur <i>Fluoride Varnish</i> (berdasarkan keperluan) • Khidmat Nasihat Merokok • Khidmat Nasihat Pemakanan Sihat • Pengesanan Lesi Awal Kanser Mulut	• Prosedur Sealan Fisur (berdasarkan keperluan) • Prosedur <i>Fluoride Varnish</i> (berdasarkan keperluan) • Khidmat Nasihat Merokok • Khidmat Nasihat pemakanan Sihat • Pengesanan Lesi Awal Kanser Mulut	• <i>Flipchart</i>. • Bahan promosi bantuan pandang dengar.	Pengurus Eksekutif. Koordinator Perkhidmatan Pergigian Pencegahan Pegawai Pergigian Juruterapi Pergigian
Komponen Aktiviti Promosi Kesihatan Pergigian					
2.	Pameran interaktif	• Setiap hari. • Tema ditukar sekurang-kurangnya sekali setiap 2 minggu.	Pelaksanaan mengikut tema yang dikenalpasti termasuk: • Penjagaan kesihatan pergigian. • Penyakit pergigian. • Rawatan pergigian. • Fasiliti pergigian. • Lain-lain tema yang berkaitan, seperti: <i>pemakanan sihat, kanser mulut, ibu mengandung.</i> • <i>Photobooth</i>. • Lain-lain perkara berkaitan.	• Peralatan pameran promosi kesihatan pergigian sedia ada. • Meja, kerusi, papan kenyataan atau lain-lain alat yang berkaitan. • Alat pandang dengar (sama ada dalam bentuk digital/fizikal).	Pengurus eksekutif. Koordinator Bahan-bahan Promosi Pergigian.

BIL	AKTIVITI	JADUAL PERLAKSANAAN	PENGISIAN	PERALATAN DIPERLUKAN	PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB
3.	Sudut "Anda Tanya, Kami Jawab"	Setiap hari.	- Sesi khidmat nasihat berdasarkan keperluan pesakit (termasuk menjawab aduan). - Menyampaikan maklumat yang bersesuaian tentang kesihatan pergigian. - PMP perlu memahami konsep pameran dan persembahan dan seterusnya mampu menjelaskan konsep kepada pelanggan jika ditanya. - Lain-lain perkara berkaitan.	- Sumber dari pameran interaktif. - Penggunaan teknologi mudah alih (tablet/ <i>laptop</i>) jika ada.	Pegawai Mesra Promosi (PMP) - syif setiap minggu akan diperkenalkan.
4.	Tayangan Video	- Harian. - Dikemaskini sekurang-kurangnya 2 minggu sekali. - Sekurang-kurangnya 5 video dengan urutan yang berlainan (<i>Shuffle loop</i>).	- Video info kesihatan pergigian yang dikemaskini. - Video Korporat. - Video aktiviti promosi negeri/daerah. - Lain-lain perkara berkaitan	- TV LED dengan kemudahan USB <i>Port</i>. <i>Thumbdrive</i>.	Koordinator Bahan-bahan Promosi.
5.	Persembahan Khas	Sekurang-kurangnya sekali seminggu. (Mengikut Jadual).	Persembahan bermesejkan kesihatan pergigian seperti (<i>Dental Buskers</i>, Boneka, Bercerita secara Kreatif).	Mengikut kesesuaian dan keperluan.	Pengurusan Eksekutif. Koordinator Sudut Santai.

11.0 Hebahan

Hebahan mewujudkan daya tarik dari segi penglibatan, ekpektasi dan harapan dalam aktiviti yang akan dijalankan. Oleh itu, bagi memastikan program Klinik Pergigian Mesra Promosi berjalan dengan berkesan, selain penggunaan ruang yang optimum dan pengisian yang bermakna, komponen hebahan perlu dititikberatkan. Hebahan yang berkesan merupakan sebahagian daripada promosi kepada masyarakat untuk mengunjungi Klinik Pergigian Mesra Promosi.

Selain dari memaklumkan tentang aktiviti yang telah dan akan dijalankan, hebahan juga mestilah memberikan input yang pelbagai. Ia mestilah juga memberikan maklumat kesihatan pergigian bagi tujuan memperkasakan masyarakat supaya mereka dapat menjaga kesihatan pergigian mereka sendiri. Perancangan dan pelaksanaan hebahan adalah seperti di **RAJAH 4**.



RAJAH 4: Carta alir Perancangan dan Pelaksanaan Hebahan

Terdapat dua komponen medium hebahan iaitu secara fizikal dan media sosial.



JADUAL 2: *Jenis-jenis Medium Hebahan*


MEDIUM HEBAHAN	TANGGUNGJAWAB	AKTIVITI	CATATAN
1. Fizikal • Papan kenyataan • Bunting • Banner • Medium lain yang bersesuaian • Digital 2. Media sosial • Facebook • Instagram • Blog • Twitter • Video	Koordinator Hebahan Pengurus Eksekutif KPMP	• Menyediakan dan mengendalikan peralatan fizikal dan juga media sosial yang bersesuaian. • Memuat naik hebahan mengenai semua aktiviti klinik. • Menjawab setiap maklum balas serta pertanyaan daripada pelanggan di media sosial. • Memuat naik mesej-mesej pendidikan kesihatan pergigian daripada pelbagai medium seperti poster, video, dan sebagainya.	• Sebelum Program Perlu membuat hebahan berkenaan dengan tema aktiviti dalam tempoh seminggu sebelum aktiviti dijalankan. • Semasa Program Digalakkan untuk membuat FB LIVE (mengikut kesesuaian) dan etika hebahan. • Selepas Program Perlu memuat naik gambar-gambar aktiviti selewat-lewatnya 3 jam selepas aktiviti dilaksanakan.

i. Papan kenyataan

Penggunaan papan kenyataan sama ada dalam bentuk konvensional atau digital adalah medium promosi yang paling mudah dalam menyebarkan maklumat tentang aktiviti promosi dan penyampaian mesej kesihatan pergigian. Kewujudan papan kenyataan boleh menjadi simbol kewujudan Klinik Pergigian Mesra Promosi selain memberi perhatian kepada pelanggan yang berkunjung ke klinik tentang aktiviti yang dilaksanakan di Klinik Pergigian Mesra Promosi pada masa tertentu.

Papan kenyataan yang ditempatkan mestilah mudah dilihat pelanggan di samping tidak menghalang perjalanan atau mengganggu perkhidmatan lain.

Senarai semak dalam pengendalian aktiviti hebahan adalah seperti dalam **LAMPIRAN 3**.



ii. Media sosial

Media sosial seperti *Facebook*, *Instagram*, *Blog* dan *Twitter* haruslah digunakan sebaik mungkin. Klinik Pergigian Mesra Promosi perlu menggunakan sepenuhnya medium ini untuk menyalurkan maklumat mengenai kesihatan pergigian. Bagi mencapai tujuan ini, Pengurus Eksekutif Klinik Pergigian Mesra Promosi dan Koordinator Hebahan merupakan pegawai yang bertanggungjawab kepada kandungan dan pengemaskinian media sosial. **Buku Media Sosial Rasmi untuk Promosi Kesihatan Pergigian, Edisi 2017 oleh Bahagian Kesihatan Pergigian** boleh dijadikan sumber rujukan bagi menggunakan media sosial kerajaan.



MEDIA
Sosial




Bagi memastikan pengurusan Klinik Pergigian Mesra Promosi berjalan lancar, sumber manusia yang mahir adalah penting bagi memastikan objektif dan pelaksanaan KPMP berjalan lancar.

Anggota Program Kesihatan Pergigian daripada pelbagai kategori mempunyai kemahiran yang boleh dimanfaatkan dalam penyediaan bahan dan medium promosi kesihatan pergigian. Sehubungan itu, sumber manusia yang amat berharga ini haruslah digunakan sepenuhnya bagi menambahbaik pengisian aktiviti Klinik Pergigian Mesra Promosi. Walau bagaimanapun struktur perjawatan klinik pergigian berkaitan dan peranan setiap anggota adalah tidak berubah dan masih lagi sama seperti perjawatan hakikinya.

Pemilihan pegawai yang bertanggungjawab bagi setiap komponen adalah menggunakan sumber manusia dari pelbagai kategori yang sedia ada di klinik. Untuk memastikan Klinik Pergigian Mesra Promosi dapat berjalan dengan lancar dan perkhidmatan yang sedia ada ditambahbaik, maka carta tugas dan fungsi anggota klinik pergigian sedia ada perlu disesuaikan dengan Klinik Pergigian Mesra Promosi seperti dalam **RAJAH 5**. Carta tugas dan fungsi ini merupakan lanjutan dari carta organisasi sedia ada di klinik pergigian tanpa menambah bilangan perjawatan sedia ada.





RAJAH 5: Carta Fungsi Organisasi Klinik Pergigian Mesra Promosi

Bagi memastikan Klinik Pergigian Mesra Promosi berjalan lancar, terma rujukan bagi setiap jawatan, mengikut fungsi dan hubungan pekerjaan bersama jawatan lain adalah seperti dalam **JADUAL 3**.

JADUAL 3: *Terma Rujukan Jawatankuasa Klinik Pergigian Mesra Promosi*

BIL	JAWATAN	FUNGSI	HUBUNGAN PEKERJAAN
1.	Pengerusi Klinik Pergigian Mesra Promosi Negeri (Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian))	• Mengkaji dan meluluskan klinik pergigian yang akan melaksanakan Program Klinik Pergigian Mesra Promosi. • Bertanggungjawab menentukan hala tuju Program Klinik Pergigian Mesra Promosi. • Memberi kelulusan organisasi perjawatan Klinik Pergigian Mesra Promosi. • Memberi saranan terhadap program yang dianjurkan di Klinik Pergigian Mesra Promosi. • Mengkaji dan meluluskan keperluan kewangan. • Menganalisis kejayaan Program Klinik Pergigian Mesra Promosi di negeri. • Mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Klinik Pergigian Mesra Promosi yang diadakan setahun sekali.	• Ketua kepada keseluruhan Program Klinik Pergigian Mesra Promosi di peringkat negeri • Menerima nasihat berkenaan program dari Setiausaha Klinik Pergigian Mesra Promosi Negeri. • Memberi panduan kepada Penyelaras Klinik Pergigian Mesra Promosi Daerah berkenaan pelaksanaan Program Klinik Pergigian Mesra Promosi. • Memantau, menilai dan membuat penambahbaikan Program Klinik Pergigian Mesra Promosi.
2.	Setiausaha Klinik Pergigian Mesra Promosi Negeri (Pegawai Pergigian Promosi Negeri)	• Memberi khidmat nasihat kepada pengerusi dari segi sumber manusia, pengisian promosi, keperluan kewangan dan penilaian. • Memberi cadangan berkenaan klinik pergigian yang sesuai bagi program Klinik Pergigian Mesra Promosi. • Menyediakan dan mencadangkan langkah-langkah untuk penambahbaikan.	• Koordinator dalam program Klinik Pergigian Mesra Promosi Negeri. • Menasihati Pengerusi Pengerusi Klinik Pergigian Mesra Promosi Negeri. • Sebagai pelaksana utama dan sumber rujukan program Klinik Pergigian Mesra Promosi.

BIL	JAWATAN	FUNGSI	HUBUNGAN PEKERJAAN
		• Memantau perjalanan program dan mengumpul rekod serta laporan program untuk tujuan penambahbaikan. • Memastikan arahan pengerusi program dapat dijalankan. • Melakukan kajian dan menganalisis program melalui borang maklum balas pelanggan. • Memanggil dan menyediakan minit Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Klinik Pergigian Mesra Promosi bagi membincangkan pelaksanaan Klinik Pergigian Mesra Promosi baharu serta pemantauan dan penilaian Klinik Pergigian Mesra Promosi sedia ada. • Merancang dan memberi input konsep hebahan yang boleh menarik minat pelanggan.	
3.	Penyelaras Klinik Pergigian Mesra Promosi Daerah (Pegawai Pergigian Daerah)	• Mencadangkan kepada Penyelaras Klinik Pergigian yang sesuai bagi pelaksanaan program Klinik Pergigian Mesra Promosi. • Menyelaras pengisian program yang bersesuaian dengan budaya masyarakat setempat. • Menyelaras dan melaksanakan pecahan tugas dan peruntukan sumber manusia di Klinik Pergigian Mesra Promosi yang berkaitan. • Menyelaras keperluan program dari segi kewangan dan keperluan ruang. • Mengunjur cadangan penambahbaikan yang dicadang dari Klinik Pergigian Mesra Promosi di bawah jagaan penyelaras. • Menyelaras pemantauan program dan mengumpul laporan program untuk tujuan penambahbaikan.	• Menerima arahan dari Pengerusi Klinik Pergigian Mesra Promosi Negeri. • Menyelaras pelaksanaan program melalui Penyelaras Klinik Pergigian Mesra Promosi Daerah. • Meluluskan pemilihan ahli di peringkat klinik bagi program Klinik Pergigian Mesra Promosi. • Menerima maklumbalas berkenaan pelaksanaan Klinik Pergigian Mesra Promosi dari daerah di bawah jagaan dan cadangan penambahbaikan dibawa keperingkat pengurusan tertinggi.

BIL	JAWATAN	FUNGSI	HUBUNGAN PEKERJAAN
		Mempengerusi Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Klinik Pergigian Mesra Promosi Peringkat Daerah.	
4.	Penyelaras Klinik Pergigian Mesra Promosi (Pegawai Pergigian Yang Menjaga)	- Menjalankan tanggungjawab sedia ada di samping sebagai pelaksana Klinik Pergigian Mesra Promosi. - Memastikan ahli jawatankuasa Klinik Pergigian Mesra Promosi peringkat klinik melaksanakan peranan masing-masing dengan berkesan. - Mencadang dan melantik ahli jawatankuasa peringkat klinik bagi pelaksanaan program. - Mengenal pasti dan meluluskan penggunaan ruang sedia ada di klinik pergigian bagi program Klinik Pergigian Mesra Promosi.	- Melaksanakan arahan daripada Penyelaras Klinik Pergigian Mesra Promosi Daerah. - Melaksanakan program melalui anggota di bawah jagaan. - Memastikan arahan yang diberi dilaksanakan oleh Pengurus Eksekutif Klinik Pergigian Mesra Promosi. - Menerima maklumbalas berkenaan pelaksanaan Klinik Pergigian Mesra Promosi dari klinik di bawah jagaan dan cadangan penambahbaikan dibawa ke peringkat pengurusan tertinggi
5.	Pengurus Eksekutif Klinik Pergigian Mesra Promosi (Pegawai (Juruterapi Pergigian))	- Membantu dalam melicinkan pelaksanaan program dalam penyelarasan dengan koordinator- koordinator Klinik Pergigian Mesra Promosi. - Pegawai yang bertanggungjawab dalam perjalanan Klinik Pergigian Mesra Promosi peringkat klinik pergigian. - Mencadangkan ruang yang sesuai bagi pelaksanaan pengisian Klinik Pergigian Mesra Promosi. - Mengemaskini pengisian program bagi memastikan informasi terkini dan menarik dapat diberi kepada pelanggan.	- Menyelaras dengan koordinator-koordinator yang berkaitan bagi pengisian program. - Membincangkan kesesuaian program bersama Penyelaras Klinik Pergigian Mesra Promosi. - Masalah berkaitan keperluan program Klinik Pergigian Mesra Promosi perlu dimaklumkan kepada Penyelaras Klinik Pergigian Mesra Promosi. - Menerima maklumbalas berkenaan pelaksanaan Klinik Pergigian Mesra Promosi dari koordinator-koordinator dan cadangan penambahbaikan dibawa ke peringkat pengurusan tertinggi.

BIL	JAWATAN	FUNGSI	HUBUNGAN PEKERJAAN
		• Memastikan fasiliti dan peralatan yang diguna berada dalam keadaan baik dan diselenggara mengikut keperluan. • Memastikan pengisian program Klinik Pergigian Mesra Promosi tidak mengganggu perjalanan klinik. • Memastikan maklum balas pelanggan diterima. • Sebagai Setiausaha Mesyuarat Jawatankuasa Klinik Pergigian Mesra Promosi Peringkat Klinik.	
6.	Koordinator Bahan-bahan Promosi	• Memastikan bahan-bahan promosi berkaitan diperolehi. • Bertanggungjawab terhadap bahan-bahan promosi (harus dalam keadaan baik, bersi dan berfungsi). • Penambahbaikan dan pengemaskinian bahan promosi. • Bertanggungjawab menyediakan bahan promosi secara cetak dan digital serta juga sama ada melalui media sosial atau konvensional.	• Mengkoordinasi perolehan bahan bersama Pengurus Eksekutif KPMP dan Penyelaras Klinik Pergigian Mesra Promosi. • Memberi maklumbalas yang berkaitan kepada Pengurus Eksekutif KPMP. Mengkoordinasi dan memperolehi kelulusan melaksanakan hebahan dari Pengurus Eksekutif KPMP dan Penyelaras Klinik Pergigian Mesra Promosi. Memberi maklumbalas yang berkaitan kepada Pengurus Eksekutif KPMP.
7.	Koordinator Hebahan	• Membuat hebahan aktiviti yang dianjurkan oleh Klinik Pergigian Mesra Promosi melalui medium yang dikenalpasti sesuai seperti media sosial atau bercetak. • Membuat rakaman aktiviti yang dilaksanakan di Klinik Pergigian Mesra Promosi (mengikut kesesuaian) dan dimuat naik ke media sosial negeri. • Mengendalikan media sosial klinik.	Memberi maklumbalas yang berkaitan kepada Pengurus Eksekutif KPMP.

BIL	JAWATAN	FUNGSI	HUBUNGAN PEKERJAAN
8.	Koordinator Sudut Santai	• Mengkoordinasi persediaan tempat Sudut Santai . • Menyediakan bahan/ medium dan jadual pengisian. • Menguruskan keperluan pengisian. • Memastikan ruang memaparkan informasi yang cukup tetapi masih menampilkan imej korporat.	• Mengkoordinasi pengisian bersama Pengurus Eksekutif KPMP dan Penyelaras Klinik Pergigian Mesra Promosi. • Memberi maklumbalas yang berkaitan kepada Pengurus Eksekutif KPMP.
9.	Koordinator Perkhidmatan Pergigian Pencegahan	• Mengemaskini bahan keperluan di bilik rawatan termasuk bahan klinikal pencegahan dan alat bantuan pandang dengar. • Menguruskan keperluan aktiviti pergigian pencegahan. • Memastikan anggota sokongan yang sedia bertugas. • Memastikan anggota pergigian mempunyai informasi yang telah dikemaskini termasuk isu-isu semasa.	• Menyelaraskan pengisian bersama Pengurus Eksekutif KPMP dan Pengerusi Klinik Pergigian Mesra Promosi. • Memberi maklumbalas yang berkaitan kepada Pengurus Eksekutif Klinik Pergigian Mesra Promosi.
10.	Koordinator Laporan/Reten	• Mengumpul borang maklumbalas pelanggan. • Menyediakan laporan setiap enam bulan. • Menganalisa data laporan yang diperolehi.	• Memberi laporan mengikut jadual kepada Pengerusi Klinik Pergigian Mesra Promosi. • Memberi maklumbalas yang berkaitan kepada Pengurus Eksekutif Klinik Pergigian Mesra Promosi.

Pengiktirafan Sebagai Klinik Pergigian Mesra Promosi

Pengiktirafan sebagai Klinik Pergigian Mesra Promosi oleh Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian) melalui cadangan Cawangan Promosi Kesihatan Pergigian diberikan kepada Klinik Pergigian yang memohon untuk menjalankan konsep KPMP dan telah memenuhi semua kriteria yang telah ditetapkan.

Proses pengiktirafan adalah melalui permohonan oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) ke Program Kesihatan Pergigian Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Cawangan Promosi Kesihatan Pergigian. Pegawai Cawangan Promosi Kesihatan Pergigian akan membuat lawatan penilaian ke Klinik pergigian yang memohon berdasarkan kriteria seperti **JADUAL 4** dan seterusnya membuat cadangan kepada Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian) untuk membuat keputusan sama ada klinik tersebut layak untuk diiktiraf sebagai Klinik Pergigian Mesra Promosi.

JADUAL 4: *Kriteria Pengiktirafan Klinik Pergigian Mesra Promosi*

PERKARA	ASPEK	PENJELASAN
1.	Jumlah Pelanggan	Jumlah pelanggan yang dilibatkan dalam pergigian melebihi 50 orang menjamin aktiviti yang dijalankan adalah kos efektif.
2.	Bahan promosi	Klinik yang mempunyai bahan promosi sedia ada dan mempunyai kemudahan dan juga kepakaran dalam mengendalikan bahan promosi milik mereka.
3.	Organisasi anggota	Klinik yang mempunyai sekurang-kurangnya 5 orang pegawai pergigian.
4.	Keperluan ruang	Klinik yang akan melaksanakan Klinik Pergigian Mesra Promosi perlu mengambil kira keperluan ruang bagi menjalankan aktiviti tanpa mengganggu perjalanan tugas hakiki sesebuah klinik tersebut: • Kaunter pendaftaran • Ruang menunggu • Bilik rawatan

PERKARA	ASPEK	PENJELASAN
5.	Komponen aktiviti	Klinik Pergigian Mesra Promosi mestilah menyediakan komponen berikut : • Aktiviti promosi - Telah menyediakan prasarana untuk promosi kesihatan pergigian dari aspek <i>hard and soft</i> komponen. • Pergigian Pencegahan - Menyediakan surgeri pencegahan klinikal untuk kerja-kerja rawatan pencegahan klinikal dan kaunseling. • Hebahan - Mempunyai prasarana hebahan dari aspek fizikal atau media sosial
6.	Pengurusan sumber manusia	Sumber manusia mengambil kira perkara utama iaitu Carta Organisasi Klinik Pergigian Mesra Promosi dengan fungsi khusus tanpa mengganggu perjawatan yang ada.
7.	Pelaporan	Klinik mempunyai mekanisma pelaporan

Sesebuah klinik pergigian diiktiraf sebagai Klinik Pergigian Mesra Promosi apabila sesebuah klinik pergigian dapat memenuhi keperluan seperti di atas.

Klinik pergigian yang diiktiraf sebagai Klinik Pergigian Mesra Promosi akan dianugerahkan plak khusus (**RAJAH 6**) Klinik Pergigian Mesra Promosi. Plak tersebut hendaklah di letakan di bahagian kaunter pendaftaran bagi melambangkan klinik pergigian tersebut telah di iktiraf sebagai Klinik Pergigian Mesra Promosi.



RAJAH 6: Klinik Pergigian Mesra Promosi

14.0

Penilaian Keberkesanan



Penilaian keberkesanan bertujuan untuk melihat impak perkhidmatan Klinik Pergigian Mesra Promosi kepada pelanggan yang telah berkunjung ke premis tersebut. Selain itu objektif penilaian juga adalah untuk penambahbaikan perkhidmatan yang diberikan.

Ada tiga (3) perkara utama yang dinilai. Aspek pertama adalah berkenaan aspek perubahan pengetahuan antara masa pelanggan membuat pendaftaran dan setelah pelanggan hendak meninggalkan klinik. Perkara ini dinilai daripada kajiselidik yang dijalankan menggunakan Borang Penilaian Perubahan Pengetahuan Pelanggan seperti **Lampiran 4**.

Perkara kedua yang dinilai ialah mengenai aspek kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan, faedah yang diperolehi, penilaian persepsi pelanggan tentang KPMP yang dikunjungi. Modul yang digunakan untuk penilaian aspek ini adalah melalui Borang Maklumbalas Kepuasan Pelanggan sebagaimana **Lampiran 5**.

Perkara ketiga yang akan dinilai ialah aspek inovasi dan kreativiti dalam penyampaian perkhidmatan. Inovasi dan kreativiti dinyatakan dalam bentuk Laporan Inovasi dan Kreativiti Klinik Pergigian Mesra Promosi yang disediakan setahun sekali seperti **Lampiran 6**.

Pemilihan sampel adalah secara rawak di mana sekurang-kurangnya sepuluh (10) pelanggan dipilih untuk memberi maklumbalas pada setiap bulan. Pengurus Eksekutif Klinik Pergigian Mesra Promosi perlu memastikan maklumbalas yang diberi oleh pelanggan dikumpul, dianalisis dan laporan disediakan pada setiap akhir tahun. Laporan penilaian yang telah siap hendaklah dihantar ke Cawangan Promosi Program Kesihatan Pergigian KKM pada minggu kedua bulan Januari melalui Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian).



15.0

Penarafan Bintang Klinik Pergigian Mesra Promosi

Penarafan bintang Klinik Pergigian Mesra Promosi adalah bertujuan untuk:

Menilai dan mengukur prestasi berfokuskan impak, berorientasikan pelanggan dan berlandaskan aspirasi *stakeholders*;

01

Memperkasakan elemen transformasi dan inovasi sebagai budaya kecemerlangan agensi; dan


02

Memberi pengiktirafan secara formal kepada klinik-klinik pergigian cemerlang.

03

40

Empat (4) bidang fokus iaitu **Keberkesanan, Kualiti, Inovasi dan Pematuhan** yang dinilai berdasarkan tumpuan kepada aspek *Outcome-Based*, *Customer-Centric*, dan *Stakeholder's Aspiration* (**RAJAH 7**). *Outcome-Based*, *Customer-Centric*, dinilai dari markah yang diperolehi dalam penilaian berkala yang dilaporkan setiap tahun melalui Lampiran Penilaian Perubahan Pengetahuan Pelanggan, Borang Maklumbalas Pelanggan dan Lampiran Inovasi dan Kreativiti Klinik Pergigian Mesra Promosi yang membawa markah sebanyak 50 peratus manakala untuk komponen *Stakeholder's Aspiration* yang membawa markah 50 peratus adalah melalui turun padang di mana pegawai dari Cawangan Promosi Kesihatan Pergigian akan melawat ke klinik tersebut dan membuat penilaian dengan menggunakan Borang Penilaian Penarafan Pengurusan Program Klinik Pergigian Mesra Promosi sebagaimana **Lampiran 7**.



RAJAH 7: Model Penarafan Bintang Klinik Pergigian Mesra Promosi

Skala penarafan bintang adalah seperti berikut:

- 5 Bintang - Cemerlang (markah >90%)
- 4 Bintang - Memuaskan (markah 70 - 89%)
- 3 Bintang - Baik (markah 50 - 69%)
- 2 Bintang - Sederhana (markah 30 - 49%)
- 1 Bintang - Biasa (markah < 29)

Selepas penilaian dilakukan oleh Cawangan Promosi Kesihatan Pergigian, Program Kesihatan Pergigian, cadangan daripada rumusan penilaian akan dikemukakan kepada Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian) Kementerian Kesihatan Malaysia. Setelah mendapat pengesahan Penarafan Bintang oleh Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian) KKM, klinik berkaitan akan dianugerahkan sijil dan plak yang menunjukkan penarafan bintang yang diperolehi untuk dipaparkan di kaunter pendaftaran.

16.0

Penutup



Klinik Pergigian Mesra Promosi menjadi pusat sehati (*Stop Centre*) di mana pesakit boleh mendapat perkhidmatan dari promosi pencegahan hingga ke peringkat rehabilitasi. Dengan adanya Klinik Pergigian Mesra Promosi ini, rakyat akan memperoleh manfaat perkhidmatan pergigian secara holistik hanya satu tempat.

Sehubungan itu, amat wajar konsep Klinik Pergigian Mesra Promosi ini dilaksanakan ke seluruh klinik-klinik di Malaysia. Perkhidmatan kesihatan secara rawatan sahaja sudah tidak relevan di abad ini. Kita harus mengamalkan bukan sahaja rawatan secara kreatif tetapi juga harus menfokuskan kepada promosi dan rawatan pencegahan. Diharap melalui pendekatan ini, Kementerian Kesihatan Malaysia mampu menghasilkan rakyat yang diperkasa dengan kemandirian penjagaan kesihatan masing-masing.



17.0

Rujukan



Anne Mette F, Svend Juul J, Lillian M, Groene O. Development of standards for disease prevention and health promotion. In: Groene O, Garcia-Barbero M, editors. *Health Promotion in Hospitals: Evidence and Quality Management*. Copenhagen: WHO Regional Office for Europe Copenhagen; 2005. p. 64-78.

Carlffjord S, Kristenson M, Lindberg M. Experiences of working with the tobacco issue in the context of health promoting hospitals and health services: a qualitative study. *Int J Environ Res Public Health*. 2011; 8:498–513

Delobelle P, Onya H, Langa C, Mashamba J, Depoorter AM. Pilot health promoting hospital in rural South Africa: evidence-based approach to systematic hospital transformation. *Glob Health Promot*. 2011; 18:47–50.

43

Groene O. Health promotion in hospitals - From principles to implementation. In: Groene O, \ Garcia-Barbero M, editors. *Health Promotion in Hospitals: Evidence and Quality Management*. Copenhagen: WHO Regional Office for Europe Copenhagen; 2005. p. 3-16.

Groene O, Alonso J, Klazinga N. Development and validation of the WHO self-assessment tool for health promotion in hospitals: results of a study in 38 hospitals in eight countries. *Health Promot Int*. 2010; 25:221–9.

Groene O, Jorgensen S, Fugleholm A, Møller L, Garcia-Barbero M. Standards for health promotion in hospitals: development and pilot test in nine European countries. *Int J Health Care Qual Assur*. 2005

Groene O, Jorgensen SJ. Health promotion in hospitals—a strategy to improve quality in health care. *Eur J Public Health*. 2005

Johansson H, Weinehall L, Emmelin M. “If we only got a chance” Barriers to and possibilities for a more health-promoting health service. *J Multidiscip Healthc*. 2010; 3:1–9.

Johnson A, Baum F. Health promoting hospitals: a typology of different organizational approaches to health promotion. *Health Promot Int*. 2001; 16:281–7





Lee CB, Chen MS, Powell MJ, Chu CM. Organisational change to health promoting hospitals: a review of the literature. *Springer Science Reviews*. 2013; 1:13–23

Lee CB, Chen MS, Chu CM. The health promoting hospital movement in Taiwan: recent development and gaps in workplace. *Int J Public Health*. 2013; 58:313–317

Lee DJ, Knuckey S, Cook GA. Changes in health promotion practice in hospitals across England: the National Health Promotion in Hospital Audit 2009 and 2011. *J Public Health (Oxf)* 2013; 25:1–7.

Lin YW, Lin Y-Y. Health-promoting organization and organizational effectiveness of health promotion in hospitals: a national cross-sectional survey in Taiwan. *Health Promot Int*. 2011; 26:362–375.

Pelikan JM, Krajic K, Dietscher C. The health promoting hospital (HPH): concept and development. *Patient Educ Couns*. 2001; 45:239–43.

Ottawa Charter for health promotion: First international conference on health promotion. World Health Organization website] cited 2017 December 21st [; Available from: <http://www.who.int/healthpromotion/conferences/previous/ottawa/en/index4.html>.]

Whitehead D. The European Health Promoting Hospitals (HPH) project: how far on? *Health Promot Int*. 2004; 19:259–67

Whitelaw S, Baxendale A, Bryce C, MacHardy L, Young I, Witney E. ‘Settings’ based health promotion: a review. *Health Promot Int*. 2001; 16:339





LAMPIRAN 1

Senarai Semak *Mini Booth*

45

BIL	PERKARA	TINDAKAN	SEMAK
1.	Lokasi <i>Mini Booth</i> yang ditetapkan adalah strategik dan tidak menghalang laluan pesakit.	Koordinator Sudut Santai	
2.	Papan pameran atau bunting dikemaskini mengikut tema yang dipersetujui.	Koordinator Sudut Santai	
3.	Poster dan Bahan Pameran • Poster dan bahan cetak. * Poster dalam keadaan baik dan telah dikemas kini. * Susun atur poster mengikut turutan bersesuaian dan senang dibaca. * Penyediaan bahan cetak yang bersesuaian. • Model - model berkaitan. • Bahan pameran berada dalam keadaan bersih dan sesuai dengan imej organisasi.	Koordinator Sudut Santai	
4.	Tanda arah ke <i>mini booth</i> pergigian.	Koordinator Sudut Santai	

Disemak Oleh :

.....
Nama :

Pengurus Eksekutif

Tarikh:



LAMPIRAN 2

Senarai Semak Sudut “Anda Tanya, Kami Jawab”.

BIL	PERKARA	TINDAKAN	SEMAK
1.	Jadual tugas Pegawai Mesra Promosi untuk Sudut “Anda Tanya, Kami Jawab” disediakan setiap Jan, Mac, Jun, Sept tahun semasa.	Koordinator Sudut Santai	
2.	Kenalpasti Pegawai Mesra Promosi	Koordinator Sudut Santai	
3.	Pegawai Mesra Promosi (PMP) Tugasan & penampilan diri pegawai yang bertugas di Sudut “Anda Tanya, Kami Jawab” • Berpakaian kemas, sopan dan menggambarkan imej organisasi. • Menggunakan pertuturan yang bersesuaian. • Pegawai mampu menjelaskan bahan-bahan pameran dengan ringkas dan efektif. • Bersedia menjawab pertanyaan berkenaan aduan pelanggan, sudut pameran, <i>main complaint</i> pesakit, arahan selepas rawatan (<i>post-op instructions</i>) dan lain-lain. • Pegawai perlulah memberi penjelasan secara <i>evidence based</i>. Pendapat peribadi terutama dalam isu-isu sensitif atau yang mampu memburukkan imej organisasi adalah dilarang.		
4.	Bahan dan peralatan di Sudut “Anda Tanya, Kami Jawab” • Meja dan kerusi (mengikut keperluan). • Peranti mudah alih (<i>Laptop/Tablet</i>). • <i>Pamphlet</i> dan alat tulis • Model-model pergigian yang bersesuaian	Koordinator Sudut Santai	

Disemak Oleh :

.....

Nama :

Pengurus Eksekutif

Tarikh:

LAMPIRAN 3

Senarai Semak Hebahan



BIL	PERKARA	TINDAKAN	SEMAK
1.	Hebahan fizikal/digital • Disedia untuk mempromosikan aktiviti melalui laman sosial dan papan kenyataan di klinik. • Hebahan perlu menggambarkan profesionalisme dan nilai-nilai murni. • Rujuk Buku Media Sosial Rasmi untuk Promosi Kesihatan Pergigian, Edisi 2017 bagi tatacara penggunaan media sosial.	Koordinator Hebahan	
2.	Membuat hebahan sebelum aktiviti dilaksanakan.	Koordinator Hebahan	
3.	Perlu memuat naik gambar-gambar aktiviti selewat-lewatnya 3 jam selepas aktiviti dilaksanakan.	Koordinator Hebahan	
4.	Menjawab maklum balas dan pertanyaan pesakit di media sosial sebelum,semasa dan selepas aktiviti dijalankan.	Koordinator Hebahan	
5.	Menyediakan dan membuat semakan kandungan video yang sesuai untuk tontonan awam.	Koordinator Bahan-bahan Promosi	
6.	• Edaran video kepada Setiausaha Klinik Pergigian Mesra Promosi untuk dibahagikan kepada semua Klinik Pergigian Mesra Promosi di negeri bawah jagaan. • Video sebaiknya dikongsi bersama negeri-negeri lain.	Setiausaha Koordinator Bahan-bahan Promosi	
7.	Memastikan peralatan untuk tayangan video disediakan dan berfungsi. • Video dilaksana secara <i>shuffle loop</i> (Minimum 5 video, maksimum 7). • Dikemaskini sekurang-kurangnya 2 minggu sekali. • Video yang sama tidak digalakkan ditayang 3 minggu berturut-turut.	Koordinator Bahan-bahan Promosi	
8.	Tayangan video yang terkini dimainkan di ruang menunggu setiap hari.	Koordinator Sudut Santai	

Disemak Oleh :

.....

Nama :
Pengurus Eksekutif
Tarikh:



LAMPIRAN 4

Borang Penilaian Perubahan Pengetahuan Pelanggan



Tandakan $\checkmark$ pada jawapan yang berkaitan untuk soalan-soalan berikut:

Bahagian 1: Pengetahuan

1. Mengapa kita perlu menggantikan berus gigi apabila telah rosak ?
 - ☐ Kuman dan bakteria akan membiak di berus gigi dan boleh menyebabkan jangkitan kepada pengguna
 - ☐ Berus gigi sudah tidak dapat membersihkan gigi dengan sempurna
 - ☐ Semua di atas
2. Berapa kerap kita perlu menjalankan pemeriksaan kesihatan pergigian ?
 - ☐ 6 bulan sekali
 - ☐ setahun sekali
 - ☐ Bila sakit
3. Apakah itu plak gigi ?
 - ☐ Sisa makanan yang melekat pada gigi
 - ☐ Lapisan nipis biotik yang melekat pada permukaan gigi yang mengandungi bakteria
 - ☐ Gigi berlubang
4. Apakah punca penyakit gusi ?
 - ☐ Tindakbalas antara plak dan bakteria yang menghasilkan asid menyebabkan keradangan
 - ☐ Minum air berkarbonat secara berlebihan
 - ☐ Gigi berlubang
5. Gigi berlubang boleh menyebabkan perkara berikut :
 - ☐ Gigi hilang (perlu dicabut)
 - ☐ Jangkitan kuman di kawasan sekeliling gigi
 - ☐ Semua di atas





Bahagian 2: AMALAN

1. Ubat gigi yang digunakan perlulah berfluorida
 - ☐ Ya
 - ☐ Tidak
 - ☐ Tidak Pasti
2. Perlu berkumur setiap kali selepas makan
 - ☐ Ya
 - ☐ Tidak
 - ☐ Tidak Pasti
3. Flos gigi penting digunakan selain dari memberus gigi
 - ☐ Ya
 - ☐ Tidak
 - ☐ Tidak Pasti
4. Merokok adalah salah satu faktor kerosakan gigi dan penyakit gusi
 - ☐ Ya
 - ☐ Tidak
 - ☐ Tidak Pasti
5. Rokok dan Vape mempunyai kesan buruk kepada kesihatan anda
 - ☐ Ya
 - ☐ Tidak
 - ☐ Tidak Pasti





Bahagian 3: SIKAP

1. Gigi susu tidak perlu dijaga kerana akan diganti dengan gigi kekal
 - ☐ Ya
 - ☐ Tidak
2. Penyakit berkaitan kesihatan mulut mempunyai faktor risiko yang sama dengan penyakit kronik lain (seperti kencing manis dan sakit jantung)
 - ☐ Ya
 - ☐ Tidak
3. Apabila memberus gigi dan gusi didapati berdarah, kita tidak patut meneruskan membasuh gigi
 - ☐ Ya
 - ☐ Tidak
4. Penting bagi kita untuk melaksanakan pemeriksaan sendiri bagi mengesan kanser mulut
 - ☐ Ya
 - ☐ Tidak
5. Bayi boleh dibiarkan tidur dengan botol susu di dalam mulut
 - ☐ Ya
 - ☐ Tidak



LAMPIRAN 5

Borang Maklumbalas Kepuasan Pelanggan

Tandakan jawapan yang berkaitan untuk soalan-soalan berikut:



(1) Amat tidak setuju		(2) Kurang setuju	(3) Biasa sahaja	(4) Sangat setuju	(5) Amat setuju	
1	Saya berpuas hati dengan perkhidmatan berikut:					
1.1	Layanan yang diterima	1	2	3	4	5
1.2	Perkhidmatan yang ditawarkan	1	2	3	4	5
1.3	Rawatan yang diberikan	1	2	3	4	5
1.4	Aktiviti promosi yang dijalankan	1	2	3	4	5
2	Saya memperoleh faedah datang ke klinik ini dari segi:					
2.1	Pengetahuan yang disampaikan	1	2	3	4	5
2.2	Rawatan yang diberikan	1	2	3	4	5
2.3	Masa yang saya peruntukan	1	2	3	4	5
2.4	Perbelanjaan yang saya keluarkan	1	2	3	4	5
3	Apa pandangan anda terhadap Klinik Pergigian ini?					
3.1	Perkhidmatannya cemerlang	1	2	3	4	5
3.2	Layanan anggota yang mesra	1	2	3	4	5
3.3	Saya suka dan akan datang 6 bulan lagi	1	2	3	4	5
3.4	Saya akan bawa anggota keluarga ke klinik ini.	1	2	3	4	5

Apa cadangan anda untuk menambah baik perkhidmatan sedia ada?

LAMPIRAN 6

Laporan Inovasi Dan Kreativiti Klinik Pergigian Mesra promosi



Inovasi yang dilaksanakan :

.....

Cara Perlaksanaan :

.....

Kumpulan Sasaran :

.....

Kesan yang dijangka :

.....

Penerimaan oleh Pelanggan :

.....

Cadangan untuk diperluaskan :

.....

Laporan disediakan oleh :

Klinik :

Tarikh :

LAMPIRAN 7

Borang Penilaian Penarafan Pengurusan Program Klinik Pergigian Mesra Promosi

Perkara	Aspek	Penjelasan	Nilai Skala	Bahan Sokongan
1.	Jumlah Pelanggan	Peningkatan jumlah pelanggan yang berkunjung ke Klinik dalam masa setahun yang lepas.		
2.	Bahan Promosi	Inisiatif bahan-bahan promosi yang dibangunkan dalam masa setahun yang lepas.		
3.	Sumber Manusia	Setiap anggota dalam Carta Fungsi Organisasi Klinik Pergigian Mesra Promosi membuktikan komitmen yang tinggi dalam memastikan Klinik Pergigian Mesra Promosi beroperasi lancar.		
4.	Keperluan Ruang	Membuktikan setiap ruang Kaunter Pendaftaran, Ruang Menunggu dan Bilik Rawatan yang disediakan memberi keselesaan.		
5.	Aktiviti	Membuktikan aktiviti yang dijalankan sentiasa terkini dan menarik serta mendapat kunjungan yang menggalakkan.		
6.	Pelaporan	Membuktikan pemantauan dijalankan mengikut masa dan membuat penambahbaikan hasil penemuan penilaian.		

Penilaian berdasarkan skala dari 1 paling rendah dan 10 paling tinggi. Setiap satu aspek perlu diberikan bahan sokongan.

PENGHARGAAN SUMBANGAN

Dr Naziah binti Ahmad Azli

Pengarah Bahagian Penjagaan Kesihatan Pergigian, Program Kesihatan Pergigian

Dr Sharol Lail Sujak

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian), Negeri Sembilan

Dr Rusli bin Ismail

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian), Kelantan

Dr Salleh bin Zakaria

Timbalan Pengarah, Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr Jamaliah binti Omar

Ketua Penolong Pengarah Kanan, Pejabat TPKN (G), Kedah

Dr Nurulasmak binti Mohamed

Ketua Penolong Pengarah Kanan, Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Dr Rozy Anita binti Atan

Ketua Penolong Pengarah, Pejabat TPKN (G), Negeri Sembilan

Dr Nor Fatimah Syhraz binti Abdul Razakek

Ketua Penolong Pengarah, Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Dr Siti Nur Baiduri binti Mohd Jaini

Ketua Penolong Pengarah, Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Dr Siti Suhaila binti Ab Hamid

Pegawai Pergigian, Klinik Pergigian Seremban, Negeri Sembilan

Dr Muhamad Faris bin Muhamad Noor

Penolong Pengarah Kanan, Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Dr Safiah binti Mohd Dani

Pegawai Pergigian, Klinik Pergigian AU2, Kuala Lumpur

Dr Abdullah bin Ahmad Sharifuddin

Pegawai Pergigian, Klinik Pergigian Senawang, Negeri Sembilan

Dr Nuraida binti Daud

Pegawai Pergigian, Klinik Pergigian Tanglin, Kuala Lumpur

Dr Khairul Fikri bin Seabri

Pegawai Pergigian, Klinik Pergigian Kangar, Perlis

Dr Muhammad Hisyam bin Zainal Abidin

Penolong Pengarah, Pejabat TPKN (G), Johor

Dr Ahmad Syahir bin Ahmad Zu Safiuddin

Penolong Pengarah, Pejabat TPKN (G), Pahang

Dr Aina Najwa binti Mohd Khairuddin

Penolong Pengarah, Pejabat TPKN (G), Melaka

Dr Tan Ching Shyan

Pegawai Pergigian, Klinik Pergigian Bandar Maharani, Johor

Dr Muhammad Hamidie bin Sa'ari

Pegawai Pergigian, Klinik Pergigian Pasir Puteh, Kelantan

Dr Ruhaini binti Sabron

Pegawai Pergigian, Klinik Pergigian Yan, Kedah

Dr Afidatulmasrie binti Ahmad

Pegawai Pergigian, Klinik Pergigian Seremban, Negeri Sembilan

Dr Pengiran Muhammad Badi'uzzaman bin Awang Iskanderdzulkarnein

Pegawai Pergigian, Klinik Pergigian Alor Setar, Kedah

Dr Chong Zhen Feng

Pegawai Pergigian, Klinik Pergigian Banting, Selangor

Pn Haziah binti Hassan

Penyelia Juruterapi Pergigian Kanan, Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia

Pn Zainah binti Bachik

Penyelia Juruterapi Pergigian, Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia

Pn Azirah binti Muhammad

Juruterapi Pergigian Kanan, Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia

Cik Umi Khairul binti Abdul Kadir



Juruterapi Pergigian Kanan, Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia




Contoh

Ruang & Aktiviti

Bilik Rawatan



Hebahan Fizikal



Kaunter Pendaftaran




Mini Booth



Poster dan Bahan Cetak



Sudut “Anda Tanya, Kami Jawab”



Sudut Santai







Program Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia



9 789671 207994